

# JCorp, KPJ sedia kenakan kadar caj berpatutan

11 SEP 2007

KUALA LUMPUR 10 Sept. — Anak syarikat Johor Corporation (JCorp) dan pengendali hospital swasta terbesar di negara ini, KPJ HealthCare Bhd., (KPJ), sedia mengenakan kadar caj berpatutan kepada pesakit yang disahkan kurang mampu.

Menurut Pengarah Urusan KPJ, Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Badar, KPJ mempunyai etika perubatan yang mengutamakan nyawa pesakit terlebih dahulu khasnya bagi kes kecemasan.

“Malah jika orang ramai terjumpa pesakit di tengah jalan dalam keadaan tenat lalu dihantar ke mana-mana hospital KPJ yang berdekatan, kami masih menerimanya walaupun mungkin kebetulan dia pula tidak mampu,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia, Datuk Dr. Ridzwan Bakar semalam yang menjelaskan, hospital swasta mengamalkan pendekatan bersifat kebajikan dalam menetapkan bayaran kepada pesakit yang kurang mampu.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta hospital swasta supaya mengurangkan bayaran ke atas pesakit yang tidak mampu tetapi memerlukan rawatan atau pembedahan.

Dr. Mahathir berkata, jika orang ramai sanggup menderma kepada pesakit berkenaan, hospital swasta juga patut berbuat demikian dengan mengurangkan caj atau mungkin mengene-pikan bayaran tertentu.

Mengulas lanjut Siti Sa'diah berkata, KPJ biasanya akan memeriksa latar belakang setiap pesakit dengan terperinci bagi memastikan mereka memang benar-benar tidak berkemampuan sebelum menetapkan jumlah bayaran yang perlu dijelaskan nanti.

Beliau menambah, soal bayaran kos rawatan itu boleh dibincangkan kemudian setelah pesakit tersebut berjaya distabilkan sebelum rawatan selanjutnya dijalankan.

“Namun sebagai hospital swasta, pendekatan kami tidak serupa dengan hospital kerajaan, cuma pesakit masih

boleh mengemukakan rayuan untuk pertimbangan jika bayaran yang dikenakan tinggi,” katanya.

Pada masa kini, KPJ memiliki 13 buah hospital di seluruh negara termasuk dua lagi yang terbaru di Seremban, Negeri Sembilan dan Kuching, Sarawak yang bakal beroperasi pada pertengahan tahun depan.

KPJ mengendalikan Hospital Pakar Johor, Hospital Pakar Puteri dan Hospital Penawar di Johor serta Hospital Pakar Ampang Puteri, Hospital Pakar Damansara dan Pusat Pakar Tawakal di ibu negara.

Selebihnya iaitu Hospital Pakar Ipoh, Perak; Hospital Pakar Bukit Mertajam, Pulau Pinang; Pusat Perubatan Kedah, Kedah; Hospital Pakar Kuantan; Pahang dan Hospital Pakar Perdana, Kelantan.

Dalam pada itu, beberapa lagi pengendali hospital swasta terkemuka enggan memberi sebarang komen dan jurucakapnya ketika dihubungi menyatakan, reaksi balas Dr. Ridzwan semalam terhadap kenyataan Dr. Mahathir itu adalah cukup memadai.